



MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang terdiri dari syarikat 100% milik tempatan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan bertaraf Bumiputera, Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) di bawah Gred: G2/G3, Kategori : E04 (PEMASANGAN VOLTAN RENDAH) DAN E11 (KERJA AM ELEKTRIK) serta berdaftar dengan Majlis Bandaraya Kuantan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

BIL	TAJUK	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH TAKLIMAT SEBUTHARGA	TARIKH PEMBELIAN NASKAH	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
1	KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN PEMBAIKAN PENCAHAYAAN SERTA KERJA BERKAITAN DI JALAN MAHKOTA, JALAN BESAR, JALAN BUKIT UBI DAN SEKITAR KUANTAN - TAWARAN SEMULA MBK/W/SH:177/2023	RM 50.00	CIDB Gred : G2/G3 Kategori : E04 (Pemasangan Voltan Rendah) dan E11 (Kerja Am Elektrik) Dan yang berdaftar dengan Majlis Bandaraya Kuantan	Tarikh Taklimat: 25 Ogos 2023 (Jumaat) Bertempat di: Bilik Mesyuarat Bahagian Penyelenggaraan, Jalan Bukit Ubi Masa Pendaftaran: 10.00 pagi-10.30 pagi Nota: **Hanya Pemilik Syarikat Sahaja yang boleh menghadiri taklimat tersebut. ***Kontraktor diminta membawa salinan sijil-sijil : 1. CIDB (bertaraf Bumiputera) 2. PPK 3. SPKK 4. MBK	Tarikh pembelian dokumen mulai 28 Ogos 2023 (Isnin) Tarikh tamat pembelian pada 06 September 2023 (Rabu)	06 September 2023 (Rabu) jam 12.00 tengahari

1. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli pada waktu pejabat sahaja mulai **28 OGOS 2023 (Isnin)** di Kaunter Berpusat Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
2. Syarikat yang berminat hendaklah mengemukakan salinan Sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan bertaraf **Bumiputera**, Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) di bawah Gred: **G2/G3**, Kategori : **E04 (PEMASANGAN VOLTAN RENDAH) DAN E11 (KERJA AM ELEKTRIK)** dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (BPKU) serta satu salinan sijil-sijil berikut semasa **PEMBELIAN** dokumen sebutharga.
 1. **Bukti Pelepasan i-Clean** (<http://iclean.mbk.gov.my/portal>)
 2. **Sijil CIDB (SPKK,SPK)** (tarikh sijil masih sah laku)
 3. **Sijil SSM**
 4. **Sijil MBK** (tarikh sijil masih sah laku)
 5. **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputra (BPKU)**
 6. **Cukai Pintu**
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas tajuk kerja dan no. sebutharga seperti di atas dan dikembalikan kepada:- **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuantan, Kaunter Berpusat Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00** tengahari pada atau sebelum **06 September 2023 (Rabu)**.
4. Pihak MBK tidak terikat untuk menerima tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa juga perbelanjaan yang di tanggung oleh petender untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Bahagian Penyelenggaraan, Jabatan Kejuruteraan, MBK** di talian : **09-5111704**.

dan